

13 AUG 1998

Toffler-MSK

LEBIH BAIK M'SIA TERUSKAN PROJEK MSC, KATA TOFFLER

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Alvin Toffler, anggota panel penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC) berkata adalah lebih baik bagi Malaysia meneruskan projek MSC walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang.

Toffler percaya walaupun projek-projek besar yang lain boleh ditangguhkan tetapi projek MSC perlu diberi keutamaan.

"Isu di sini bukan hanya untuk membina koridor teknologi maklumat tetapi untuk menyediakan negara ini dengan ekonomi jenis baru iaitu yang berlandaskan pengetahuan dan maklumat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Toffler penulis buku "The Future Shock" yang berada di sini untuk meninjau perkembangan terkini projek itu kemudian akan berlepas ke Kuching untuk menghadiri satu persidangan.

Beliau berkata negara-negara yang tidak menyertai pembangunan global ini akan mendapati diri mereka terpinggir daripada ekonomi dunia.

Toffler memuji MSC kerana mempunyai rangka kerja pembangunan yang luas, yang bukan sahaja mengandungi teknologi tetapi juga komponen-komponen perundangan, pendidikan dan kebudayaan.

Beliau sedar bahawa syarikat-syarikat akan berfikir dua kali untuk menyertai MSC kerana kegawatan ekonomi di Asia sekarang.

"Tetapi kemerosotan dalam mata wang menjadikan penyertaan syarikat-syarikat asing dalam projek ini lebih murah dan terdapat banyak cara untuk mengambil kesempatan dengan keadaan itu," katanya.

Mengulas mengenai permasalahan sosial dan politik di rantau ini akibat kegawatan ekonomi, Toffler berkata satu daripada kejayaan Malaysia ialah dapat mengelakkan kejadian huru hara antara kaum sejak 1969.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang telah memberikan bantuan berbilion-bilion kepada negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, juga bertanggungjawab terhadap huru hara itu di negara-negara itu.

Ini adalah kerana sesetengah daripada apa yang dikatakan oleh IMF adalah munasabah tetapi sesetengahnya tidak, katanya.

"IMF cenderung untuk mempunyai set ubat yang sama bagi setiap penyakit, jadi anda boleh ramalkan apa yang akan mereka cadangkan," katanya.

Toffler berkata IMF yang menerima terlalu banyak kritikan bagi kegagalannya kini mula mengubah dasarnya.

Bagaimanapun, Toffler yakin bahawa Asia akan pulih daripada masalah itu tetapi terus terang menyatakan beliau tidak tahu bila ianya akan berlaku.

"Terdapat beberapa isu tertentu yang penting sekarang iaitu sama ada Malaysia atau Washington atau sesiapa sahaja boleh mengawalinya, iaitu seperti sama ada nilai yuan China akan susut, adakah Jepun akan pulih daripada kemelesetan, atau adakah Bursa Saham New York akan menjunam.

"Satu daripada perkara itu boleh memberikan kesan yang besar bagi Malaysia dan Asia amnya," katanya.

-- BERNAMA

TEAM RHM PR